	OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN **PEJABAT BURSAR** Kod Dokumen: DF039/BYR
	PERJANJIAN PINJAMAN KENDERAAN

(Kew.295-PIN.1/93)

PERJANJIAN dibuat pada……haribulan……..….tahun ……..…di antara……

……..….No. Kad Pengenalan……..……..…….
(kemudian daripada ini disebut "Peminjam") di pihak pertama dengan Universiti Putra Malaysia (kemudian daripada ini disebut "U.P.M.") di pihak kedua.

BAHAWASANYA, Peminjam adalah seorang kakitangan UPM yang telah membuat permohonan pinjaman untuk membeli sebuah kereta / motosikal / enjin motobot / bot / basikal menurut Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dan UPM dengan ini meluluskan permohonan pinjaman untuk membeli terus sebuah kereta / motosikal / enjin motobot / bot / basikal kepada peminjam mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling itu tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang berikut :-

BAHAWASANYA, Penjamin dengan ini bersetuju menjamin perlaksanaan pembayaran dan memikul tanggungjawab peminjam sebagaimana yang tertera di dalam perjanjian ini.

OLEH YANG DEMIKIAN, adalah dipersetujui seperti berikut :-

1. Seperti yang dipohon oleh Peminjam, UPM bersetuju meluluskan kepada Peminjam, pinjaman sebanyak Ringgit Malaysia……..

   (RM……) (kemudian dari ini disebut "pinjaman tersebut") untuk dibayar balik kesemua wang yang dipinjam di dalam tempoh ……..….bulan (kemudian dari ini disebut "tempoh pinjaman tersebut") pinjaman ini adalah untuk membeli sebuah kenderaan seperti diluluskan dalam Borang Permohonan Pinjaman Kenderaan (Kew. 294 Pindaan 1/93) yang berkenaan dan dilampirkan di dalam perjanjian ini Jenis Kenderaan……. No. Pendaftaran Kenderaan…… No. Chasis……...(kemudian dari ini disebut "kenderaan tersebut").

2. Menurut surat persetujuan jaminan bertarikh……, Penjamin-penjamin telah bersetuju untuk menjamin perlaksanaan pembayaran dan memikul tanggungjawab Peminjam sebagaimana yang tertera di dalam perjanjian ini dan surat persetujuan jaminan tersebut adalah dianggap sebagaimana daripada perjanjian ini.

3. Pinjaman ini dikenakan bayaran perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa iaitu sebanyak 4% (empat peratus) setahun. Pihak UPM atas budibicaranya adalah berhak untuk mengulangkaji kadar bayaran caj perkhidmatan yang dikenakan dari masa ke semasa.

4. Bayaran balik pinjaman tersebut serta caj perkhidmatan membeli kenderaan tersebut akan dibuat secara potongan ansuran bulanan daripada gaji peminjam dan akan bermula daripada bulan berikutnya selepas bayaran dibuat.

5. Peminjam dengan ini bersetuju :-

(i) Mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang terkandung di dalam WP 9.2 serta Arahan-arahan dan peraturan lain yang berkuatkuasa;

(ii) Tidak akan menjual atau melepaskan atau melupuskan dengan apa-apa cara jua kenderaan tersebut kepada mana-mana pihak termasuk isteri atau suami Peminjam sehingga kesemua jumlah pinjaman tersebut telah habis dibayar atau dijelaskan berserta mana-mana bayaran perkhidmatan melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran khas secara bertulis daripada UPM;

(iii) Menjelaskan semua baki pinjaman tersebut sebelum menamatkan perkhidmatan dengan UPM.;

(iv) Mengambil polisi insuran komprehensif yang lengkap atas nama UPM dan Pembeli bagi selama tempoh pinjaman tersebut belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi insuran komprehensif hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan risiko Pihak Ketiga (tidak terhad). Jumlah perlindungan insuran itu hendaklah tidak kurang daripada baki pinjaman tersebut yang masih tertunggak;

(v) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan Peminjam walau dengan apa sebab pun, Peminjam hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada UPM sehingga potongan ansuran dilakukan. Bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas ansuran yang tidak dijelaskan;

(vi) Jika Peminjam menamatkan perkhidmatannya dengan UPM bersara atas pilihan sendiri, meletak jawatan, melarikan diri atau ditamatkan perkhidmatan oleh UPM sebelum pinjaman tersebut dijelaskan, baki pinjaman tersebut hendaklah dibayar sekaligus semua baki pinjaman dengan dikenakan bayaran perkhidmatan 10% setahun atas baki pinjaman. Jika Peminjam tidak dapat berbuat demikian, UPM berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 10% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi baki wang UPM tersebut akan dipungut melalui tindakan Mahkamah;

(vii) Jika Peminjam meninggal dunia, baki pinjaman hendaklah diselesaikan oleh waris Peminjam (tidak termasuk bayaran perkhidmatan) secara sekaligus. Jika waris Peminjam tidak dapat berbuat demikian, UPM berhak melelong kenderaan berkenaan untuk menjelaskan jumlah baki pinjaman kenderaan dengan bayaran perkhidmatan 4% serta kos yang terlibat dan jika masih tidak mencukupi, baki wang UPM tersebut akan dipungut daripada waris Peminjam melalui tindakan mahkamah atau daripada Penjamin-penjamin berkenaan;

(viii) Bagi pekerja yang telah diluluskan cuti tanpa gaji/cuti separuh gaji oleh Universiti, pegawai yang dibenarkan untuk menandatangani surat cara Universiti adalah diberi kuasa untuk memberi penangguhan bayaran balik pinjaman/pembiayaan kenderaan. Tempoh bayaran balik hendaklah dijadualkan semula tanpa dikenakan apa-apa bayaran tambahan bagi tempoh berkenaan.

(ix) Adalah menjadi tanggungan Peminjam jika Peminjam gagal menjelaskan pinjamannya di dalam tempoh tiga (3) bulan sebagaimana yang dituntut di perenggan 5(vi) dan 5(vii), maka adalah menjadi tanggungjawab peminjam atau waris Peminjam berkenaan untuk menyerahkan milikan kenderaan itu kepada UPM. Jika gagal, UPM berhak mengambil tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 11 dan 13, Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau peruntukan Undang-undang lain yang berkaitan dan UPM berhak terhadap apa-apa kos perbelanjaan sebenar yang ditanggung dalam tempoh tersebut sehingga baki pinjaman diselesaikan; dan

6. UPM berhak menarik balik pinjaman tersebut pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik baki pinjaman dengan sekaligus.

7. UPM berhak ke atas kenderaan tersebut yang diberi pinjaman kecuali motobot/ bot/ basikal di bawah Seksyen 11 (3) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

8. Peminjam mestilah orang yang akan didaftarkan sebagai membeli kenderaan tersebut.

9. Pinjaman tersebut yang diluluskan tidak boleh digunakan selain daripada maksud di para 1. Jika kenderaan tersebut digunakan untuk tujuan maksud yang lain, pinjaman tersebut adalah terbatal dan bayaran perkhidmatan 10% setahun akan dikenakan ke atas jumlah pinjaman mulai dari tarikh kelulusan pinjaman dan dikutip secara sekaligus. Peminjam berkenaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Tatatertib Kakitangan) 1979.
UPM berhak memotong semua baki pinjaman kenderaan yang diluluskan dengan bayaran perkhidmatan 10% setahun daripada gaji bulanan Peminjam tersebut.

10. Dalam perjanjian ini, masa menjadi inti pati berkaitan dengan segala syarat-syarat khususnya dalam bayaran balik pinjaman.

11. Segala kos perjanjian ini yang dikenakan atau perlu dibayar hendaklah dijelaskan oleh Peminjam. Sekiranya Peminjam gagal menjelaskan baki pinjaman tersebut dalam tempoh pinjaman tersebut, maka UPM berhak menuntut apa-apa perbelanjaan bertanggung olehnya dalam menuntut baki pinjaman daripada Peminjam.

DITANDATANGANI OLEH :

PEMINJAM dengan kehadiran **SAKSI**

…… ……..
Tandatangan Tandatangan

Nama Penuh :…… Nama Penuh :……

…… ……..

No. Kad Pengenalan:…… No. Kad Pengenalan:……

Jawatan :…… Jawatan :……

Alamat Tempat Kerja :…… Alamat Tempat Kerja :……

…… …. ……

DITANDATANGANI OLEH :

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (Sebagai pihak U.P.M. sebagaimana yang tersebut di atas)

…… ……..
Tandatangan Tandatangan

Nama Penuh :…… Nama Penuh :……

…… ……..

No. Kad Pengenalan:…… No. Kad Pengenalan:……

Jawatan :…… Jawatan :……

Alamat Tempat Kerja :…… Alamat Tempat Kerja :……

…… ……

SURAT PERSETUJUAN JAMINAN

Surat persetujuan jaminan ini dibuat pada……..……haribulan……..…….tahun …..…....sebagai balasan kepada UPM kerana bersetuju meminjamkan kepada……..…….……. (Peminjam) wang sebanyak RM…….(Ringgit Malaysia…….…… …….……) dengan faedah mengikut syarat-syarat Perjanjian bertarikh……...…… yang dibuat di antara UPM yang tersebut sebagai satu pihak dengan……..……..……. ……..…….(Peminjam) yang tersebut. Kami yang bertandatangan di bawah ini, bagi diri kami waris-waris, wasi-wasi dan penerima-penerima serahak kami, dengan ini bersama dan masing-masing menjamin bahawa jumlah wang tersebut sebanyak RM……..……serta faedahnya akan dibayar balik oleh ……..(Peminjam) yang tersebut mengikut syarat-syarat Perjanjian tersebut.

Sekiranya jumlah ini gagal dibayar oleh Peminjam, kami bertanggungjawab dan berkewajipan membuat pembayaran bagi pihak Peminjam apabila dituntut oleh UPM. Kami mengakui bahawa UPM berhak membuat tuntutan ke atas kami dan kami bersedia menggantirugi dan membayar balik jumlah pinjaman atau baki pinjaman yang masih belum dibayar oleh Peminjam bersama-sama dengan kadar faedah dan kos kepada UPM.

PENJAMIN-PENJAMIN

(Hanya diisi oleh peminjam yang masih belum disahkan jawatan. Penjamin-penjamin mestilah pegawai UPM yang telah disahkan dalam jawatan dan sekurang-kurangnya lapan (8) tahun sebelum bersara).

PENJAMIN NO. 1	**SAKSI NO. 1**
…….	……..
Tandatangan	Tandatangan
Nama Penuh :……	Nama Penuh :……
…….	……..
No. Kad Pengenalan:……	No. Kad Pengenalan:..…….
Jawatan :……	Jawatan :……
Alamat Tempat Kerja :……	Alamat Tempat Kerja :……..…
…….	…….

PENJAMIN NO. 2	**SAKSI NO. 2**
…….	……..
Tandatangan	Tandatangan
Nama Penuh :……	Nama Penuh :……
…….	……..
No. Kad Pengenalan:……	No. Kad Pengenalan:..…….
Jawatan :……	Jawatan :……
Alamat Tempat Kerja :……	Alamat Tempat Kerja :……..…
…….	…….